



KENYATAAN AKHBAR

MAJLIS PECAH TANAH

BANGUNAN TAMBAHAN HOSPITAL BALING

Hospital Baling merupakan hospital daerah tanpa pakar Kerajaan yang akan dinaik taraf menjadi Hospital Pakar Minor, menggantikan Hospital Baling yang lama berusia 46 tahun (1950-1996).

Hospital Baling kini memiliki 160 buah katil, 7 wad multidisiplin serta memberi perkhidmatan bagi pesakit luar seperti Klinik Lawatan Pakar yang berjadual, Jabatan Pesakit Luar dan Jabatan Kecemasan & Trauma serta perkhidmatan sokongan-sokongan klinikal lain.

Pembinaan Hospital Baling melibatkan kos sebanyak RM 31 juta di atas tanah seluas 32 ekar dan siap dibina serta beroperasi pada tahun 1996. Ia telah dibuka secara rasmi oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Abdul Halim Mua'adzam Shah pada 26 Mei 1997.

Kedudukan Hospital Baling adalah kira-kira 800 meter daripada pusat bandar Baling dan berada di timur negeri Kedah. Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani merupakan hospital rujukan utama dengan jarak 56 KM yang memakan masa 45 minit selain rujukan ke Hospital Kulim dan Hospital Sultanah Bahiyah Alor Star. Terdapat 2 hospital lain yang berdekatan dengan Hospital Baling iaitu Hospital Sik dengan jarak 43.7 km dan Hospital Gerik, Perak dengan jarak 57.6 km.

Hospital Baling memberi perkhidmatan kesihatan kepada 7 mukim dan 60 kampung di Daerah Baling. Hospital Baling turut menjadi hospital rujukan bagi 9 Klinik Kesihatan termasuk 2 Klinik 1 Malaysia, 35 Klinik Desa dan 7 klinik swasta di Daerah Baling ini.

YAB Perdana Menteri semasa Program Bersama Rakyat Baling di Padang Keda, Pekan Baru, Kupang, Baling pada 30 April 2013 telah mengumumkan perancangan yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk menaik taraf Hospital Baling kepada hospital berpakar dengan 10 bidang kepakaran untuk dilaksanakan pada RMK 11.

Lokasi projek naik taraf Hospital Baling ini akan dilaksanakan di dalam kawasan berkeluasan 3.4 ekar. Naik taraf Hospital Baling berpakar ini melibatkan pertambahan katil sebanyak 64 katil dengan jumlah keseluruhan katil adalah 224 katil.

Objektif pembinaan naik taraf Hospital Baling ini adalah bertujuan meningkatkan skop dan kualiti perkhidmatan Hospital Daerah Baling daripada Hospital Tanpa Pakar kepada Hospital Pakar Minor dengan 10 bidang kepakaran dalaman (*in-house*). Justeru itu dapat meningkatkan taraf kesihatan penduduk Daerah Baling dan sekitarnya melalui perawatan oleh pakar dengan bantuan peralatan yang lengkap dan terkini. Selain daripada itu dapat menjadi pusat rujukan kepada Hospital Sik, Hospital Gerik, Perak dan Pusat Kesihatan Pengkalan Hulu (Kroh).

Projek naik taraf Hospital Baling telah diluluskan oleh Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri di bawah Rancangan Malaysia ke-sepuluh dengan kos keseluruhan sebanyak **RM109 juta**.

Cawangan Kerja Kesihatan, Jabatan Kerja Raya telah dipertanggungjawabkan sebagai agensi pelaksana bagi projek ini. Projek naik taraf Hospital Berpakar Baling ini dijangka siap pada 30 September 2022.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
17 APRIL 2018